

Persisi anjur pasaria utk tampung kegiatan²

15 OCT 1980

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan menganjurkan pasaria pada 26 Oktober ini bagi mengisi dana untuk kegiatan-kegiatannya.

Pasaria itu akan berlangsung di Dewan Kampung Ubi, Jalan Pasar Baru, mulai 9.00 pagi.

Menerusi pasaria itu, Persisi berharap akan dapat mengumpulkan sejumlah wang untuk menampung kegiatan-kegiatannya seperti menyertai Kejohanan Silat Tiga Negara yang bakal berlangsung di Malaysia pada Februari depan.

Selain dari itu, wang yang diperolehi juga akan digunakan untuk melancarkan Kejohanan Kebangsaan selama dua malam berturut-turut pada bulan depan.

Di samping pasaria ini, Persisi juga bercadang menganjurkan walkathon sejauh lima kilometer bermula dan berakhir di Balai Rakyat Eunos Crescent.

Persisi berharap kutip. \$30,000 dari dua usaha

/ Persekutuan silat
PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) berharap dapat memungut tidak kurang dari \$30,000 dari satu pasaria yang akan dianjurkan pada 26 Oktober ini, di Dewan Kampung Ubi dan acara walkathon yang dijadualkan pada 7 Disember ini.

Setiausaha Agungnya, Encik Johari H.M.Uriff menerangkan bahawa wang ini akan digunakan bagi membiayai kegiatan-kegiatan Persisi dalam beberapa bulan ini.

Salah satu kegiatan yang akan dijalankan itu ialah pertandingan silat Kebangsaan, yang dijadualkan berlangsung pada bulan depan dan penyertaan Singapura dalam

Pesta Silat Tiga Negara yang dijadualkan pada Februari tahun depan di Malaysia.

"Pasaria yang diura-urakan itu akan dilangsungkan di Dewan Kampung Ubi dari 9.00 pagi hingga 9.00 malam. Lebih 30 buah gerai akan disediakan untuk menyediakan berbagai khidmat dan jualan.

21 OCT 1980 Tempahan

Di samping itu, para anggota Persisi dijangka akan mengadakan beberapa pertunjukan silat ketika pasaria itu dijalankan.

"Kami berharap hasil dari pasaria ini, kami dapat menambahkan dana kewangan kami untuk membiayai kegiatan-

kegiatan yang dijalankan itu nanti. Dan kami juga berharap agar orang-orang dapat memberikan sambutan yang baik terhadap usaha ini," kata Encik Johari.

Dia menerangkan selanjutnya bahawa pihaknya masih lagi menerima tempahan untuk mendapatkan gerai-gerai dalam pasaria itu. Selain dari itu, Persisi juga bersedia menerima segala bentuk sumbangan demi menjayakan pasaria itu.

Beli kupon

Mereka yang ingin menyertai pasaria ini ataupun membeli kupon-kuponnya boleh menghubungi Encik-encik Johari (tel: 7458669), Jaafar Yakkob (tel: 4424669), A. Rahim Dayan (tel: 633136) dan M. Rafie Bermawi (tel: 2551032).

Persisi juga akan menganjurkan walkathon sejauh 5 km, pada 7 Disember ini.

Ia akan bermula dan berakhir di Balai Rakyat Eunos Crescent dan dimulakan pada 8.00 pagi.

Jalan-jalan yang akan dilalui dalam walkathon ini ialah...